

EU jemput PM berucap di Asem-6

BH - 27/7/2006

KUALA LUMPUR: Kesatuan Eropah (EU) mengundang Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyampaikan ucapan di Mesyuarat Asia-Eropah Keenam (Asem-6) untuk berkongsi pengalaman Malaysia mengenai isu perhubungan agama dan kaum.

Duta Besar Finland ke Malaysia, Lauri Korpinen, berkata EU berharap Perdana Menteri hadir di mesyuarat itu kerana mahukan beliau menerangkan pengalaman Malaysia, khususnya dalam soal hubungan kaum.

Katanya, mereka juga berharap Perdana Menteri dapat dan menyer-

tai dialog antara agama yang akan diadakan pada Sidang Kemuncak Asem-6 di Helsinki, Finland dari 10 hingga 11 September depan.

Beliau berkata, dialog antara agama yang akan disertai pemimpin kerajaan negara anggota forum kerjasama itu bertujuan memupuk persefahaman lebih mendalam antara pelbagai agama dan budaya.

"Selepas wujud selama 10 tahun, kita mahu Asem mara ke tahap lebih konkrit, selain menggalakkan rakan mengadakan projek yang konkrit bagi merapatkan lagi komuniti Asia dengan Eropah," katanya pada sidang

akhbar mengenai Asem-6, di pejabat Kesatuan Eropah, di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Delegasi EU, Thierry Rommel; Penasihat Direktorat Asia, Geoffrey Barrett dan Ketua Sekretariat Asem-6 Bahagian Amerika dan Asia Asem-6, Hanna Lehtinen.

Korpinen berkata, Abdullah yang memimpin sebuah negara pelbagai kaum, budaya dan peringkat sosial akan berkongsi pengalaman negara ini dengan pemimpin lain selain menerangkan mengenai Islam Hadhari, konsep yang digagaskan oleh beliau.

Lehtinen berkata, Myanmar yang

hampir menggagalkan mesyuarat Asem-5 di Hanoi, Vietnam pada 2004 akibat bantahan EU mengenai penyer-taannya, turut diundang menghadiri mesyuarat di Helsinki dengan menampilkan wakil peringkat bawahan.

Kebenaran hanya diberikan kepada Menteri Luar Myanmar, U Nyan Win dan visa dikeluarkan bagi membolehkannya hadir pada mesyuarat itu.

EU menghalang pengeluaran visa kepada pegawai tertinggi Myanmar, negara yang diterajui junta tentera, untuk memasuki rantau berkenaan berikutan rekod buruk hak kemanusiaan dan demokrasi di negara itu.